

10/11/2001

Harga diesel tiga sektor diumumkan dua minggu lagi

Ridzuan Yop; Rohaniza Idris

GEORGETOWN, Jumaat - Mesyuarat Kabinet dua minggu lagi akan memutuskan sama ada terdapat perubahan pada harga diesel untuk kegunaan sektor kerajaan, pengangkutan awam dan nelayan.

Mesyuarat pada 21 November itu akan mengambil kira laporan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Kewangan mengenai kesan kenaikan diesel sebanyak 10 sen seperti diumumkan dalam Belanjawan 2001.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata sehingga keputusan dibuat, harga diesel kekal pada paras 81 sen seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Belanjawan 2001, termasuk bagi ketiga-tiga sektor berkenaan.

"Sehingga Kabinet membuat keputusannya dalam mesyuarat dua minggu akan datang, semua pembekal di stesen minyak boleh mengekalkan harga diesel seperti diumumkan pada Belanjawan 2002," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Kelab Pengguna Sungai Gelugor, di sini hari ini.

Pelancaran kelab itu sempena ulang tahun ke 70 Kelab Gelugor Pulau Pinang dan majlis pemimpin bersama rakyat. Turut hadir, Setiausaha Parlimen Kementerian, Wong Kam Hoong.

Muhyiddin membuat penjelasan itu berikutan timbul kekeliruan mengenai harga diesel bagi kegunaan pengangkutan awam, kerajaan dan nelayan kerana ada pengguna berpendapat harga bahan api itu sudah dikurangkan.

"Ketika ini ada pihak beranggapan harga bahan api itu sudah dikurangkan membabitkan tiga sektor itu. Ia sebenarnya tidak tepat dan perlu diperjelaskan," katanya.

Akhbar hari ini melaporkan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata sektor kerajaan, pengangkutan awam dan nelayan tidak terbabit dalam kenaikan harga diesel.

Beliau dilaporkan berkata, ini bermakna ketiga-tiga sektor itu boleh mendapatkan diesel pada harga lama iaitu 71 sen seliter.

Nazri juga memberi amaran kepada pemilik kenderaan awam seperti bas dan teksi bahawa tindakan tegas akan diambil terhadap mereka jika menaikkan kadar tambang.

Muhyiddin berkata, jika Kabinet mendapati rungutan orang ramai berasas, kenaikan harga bahan api itu mungkin dipertimbangkan semula.

Sementara itu, Berita Harian difahamkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan memanggil pengusaha stesen minyak bagi membincangkan pengecualian harga diesel itu.

Menurut sumber, kementerian sedang menyiapkan kertas kerja berhubung perkara itu sebelum dibentangkan kepada Kabinet minggu depan.

Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Osman Asit berkata, semua stesen pembekal diesel di Kompleks Pendaratan Ikan menjual bahan api itu pada harga lama.

"Kami maklum mengenai pengecualian kenaikan harga petrol dan diesel untuk tiga sektor, termasuk nelayan," katanya.

Presiden Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Bumiputera (Pestem), Datuk Yaakub Shah Ali Shah berkata, tiga sektor yang tidak terbabit dalam kenaikan harga petrol dan diesel kerana membeli bahan bakar secara kontrak.

"Ketiga-tiga sektor ini mempunyai tangki penyimpan diesel untuk kegunaan masing-masing dan mereka dilarang menjual bahan bakar itu secara runcit

kepada orang lain," katanya.

Timbalan Setiausaha Persatuan Pengusaha Bas SeMalaysia (PMBOA), Teoh We Hun berkata, kerajaan perlu memberitahu pengusaha bas dan teksi mengenai pengecualian kenaikan harga diesel itu.

"Ada pengusaha bas menggunakan diesel yang dibekalkan syarikat minyak dengan kadar harga lama iaitu 71 sen, tetapi bagi pengusaha yang membeli secara runcit di stesen minyak, mereka terpaksa membeli diesel dengan harga 81 sen," katanya.

(END)